

ABSTRACT

The aim of this is to identify the reasons why student work before Completing their secondary education. The subjects of the study are three student, one in form four and two in form five. The subjects were chosen based on their interests and personality criterion of the students concerned.

Data was obtained by using the ethnography method, though not in its entire form. This was due to the constraints of time and limitations of the study. Instead, the data was collected by participant observation, interviews and written documents. The data collected is compiled in a book and then processed using the Flow Model, which was forwarded by Miles and Huberman (1984).

The results of this study show that there are many reasons that encourage students to work. Reside the SES family factor, other reasons are the environment surrounding the home, family education, the desire to acquire branded items and motorcycles as well as a large family.

This study was carried out to find out the reasons why student's work. Even though the sample used was small, the study was carried out thoroughly and in detail. Thus, the study was comprehensive and suits its aim. The study of this small sample can also picture the real of students in the society.

Students who work are not a problem. When they work, many Family problems relating to money can be overcome. The study also found that the fathers of the students concerned have given their permission for them to work, with the hope that their children could help the family.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti sebab-sebab pelajar sekolah menengah bekerja selepas tamat waktu persekolahan. Subjek kajian ini terdiri daripada tiga orang pelajar iaitu seorang pelajar Tingkatan Empat dan dua orang pelajar Tingkatan Lima. Sub-jek dipilih berdasarkan minat dan kriteria personaliti pelajar tersebut.

Data yang diperoleh dengan menggunakan kaedah ethnografi tetapi tidak menggunakan kaedah ini secara total. Situasi ini dilakukan kerana tidak mungkin pengkaji menggunakan kaedah ini secara total disebabkan kekangan masa dan batasan kajian yang dilakukan. Sebaliknya dengan menggunakan penyertaan pemerhatian (participant observation), temubual dan penyemakan dokumen pelajar data-data ini dikumpulkan. Segala data yang diperoleh akan dituliskan ke dalam buku catatan. Data-data ini kemudian diproses menggunakan model Flow yang diketengahkan oleh Miles dan Huberman (1984).

Hasil kajian menunjukkan bahawa **banyak** sebab yang menyebabkan pelajar bekerja. Selain disebabkan faktor SES keluarga, pelajar **bekerja** disebabkan oleh **latar** belakang tempat tinggal, pendidikan keluarga, kehendak memiliki barangan berjenama dan motosikal serta **bilangan** ahli keluarga yang ramai.

Kajian ini dijalankan **untuk** meninjau sebab pelajar bekerja. Walaupun sampel yang digunakan kecil iaitu sebanyak tiga orang tetapi kajian yang dijalankan mendalam dan sampel dikaji dengan teliti. Dengan **ini** hasil kajian menyeluruh **dan** bersesuaian dengan tujuan penyelidikan. Kajian bersampel kecil **ini** juga akan dapat **menggambarkan** situasi sebenar fenomena pelajar **kepada** masyarakat sebenar.

Pelajar bekerja sebenarnya scbenamya bukanlah masalah. Apabila mereka bekerja sebenarnya **banyak** masalah keluarga terutama soal kewangan keluarga dapat diatasi. Daripada kajian yang dijalankan pelajar bekerja **ini** telah mendapat kebenaran dari bapa pelajar terbabit, dengan harapan apabila anaknya bekerja mereka akan dapat membantu keluarga.